

09/06/2003

Kerajaan negeri tidak patut jadi seperti `pahat dengan penukul`

Mutazar Abd Ghani

KUNJUNGAN Perdana Menteri ke Pulau Pinang kerap meninggalkan kesan, termasuk membuat `kejutan` kepada rakyat dan kerajaan negeri.

Dalam satu kunjungan beberapa tahun lalu, misalnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menegur tahap kebersihan di negeri ini, yang dilihatnya tidak memuaskan. Teguran bersahaja beliau `mengejutkan` banyak pihak di negeri ini, termasuk kerajaan negeri, yang sekali gus menggariskan pelbagai langkah segera dan perancangan jangka panjang bagi menangani isu berkenaan.

Namun, selepas tahun demi tahun berlalu, masalah kebersihan masih belum dapat dikikis sepenuhnya daripada identiti Pulau Mutiara, sehingga ada pihak menggelarkannya `Darul Sampah`.

Pada 24 Mei lalu, Perdana Menteri sekali lagi membuat `kejutan` apabila menegur proses pembangunan tidak seimbang di negeri ini. Berucap merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Pinang, Tanjung Tokong, dekat Georgetown, Dr Mahathir berkata, walaupun Pulau Pinang mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang termasuk menyaksikan pembinaan banyak bangunan pencakar langit, namun masih ada rakyatnya tinggal di rumah tidak selesa, termasuk rumah kayu yang usang, seolah-olah seperti penempatan sebelum perang.

Perdana Menteri berkata, masih ada rumah tidak begitu selesa yang diperbuat daripada kayu seperti biasa dilihat ketika beliau datang ke negeri ini pada 1950-an dulu.

Dalam `teguran` bersahaja, tapi mempunyai makna mendalam itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak berpeluang melihat keadaan sedemikian (di bahagian utara Pulau Pinang) kerana setiap kali datang ke Pulau Pinang, beliau sering dibawa dari lapangan terbang ke Hotel Equatorial saja (bahagian selatan).

Seperti dijangka, `kejutan` Perdana Menteri itu mendapat perhatian dan reaksi pelbagai pihak di negeri ini, termasuk masyarakat di Tanjong Tokong dan juga kerajaan negeri. Sambil banyak pihak mengakui hakikat yang diketengahkan Dr Mahathir itu, kerajaan negeri sebaliknya cuba mengelak `tempias` kenyataan itu dengan meletakkan tanggungjawab menyediakan kemudahan perumahan di kawasan itu kepada Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda).

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kerajaan negeri menyerahkan 16 hektar tanah tebus guna kepada Uda untuk membina rumah mampu milik di kawasan berkenaan pada 1990-an, tetapi tidak dilaksanakan.

"Uda menghadapi beberapa masalah, tapi kini ia dalam pengurusan baru dan kita akan berbincang dengan mereka untuk mempercepatkan program perumahan di kawasan berkenaan," katanya.

Koh walaupun membetulkan semula kenyataannya sehari kemudian bahawa

beliau tidak menyalahkan Uda atas kewujudan penempatan 'sebelum perang' di kawasan Tanjung Tokong, namun beliau tidak pernah mengakui kerajaan negeri turut bertanggungjawab atas kewujudan keadaan itu.

Malah, Koh turut mendakwa, Perdana Menteri tidak kecewa terhadap kerajaan negeri atas pembangunan perumahan tidak seimbang di Pulau Pinang.

Sebaliknya, Koh berkata, beliau sendiri yang menimbulkan perkara itu kepada Dr Mahathir ketika dalam perjalanan bagi menghadiri majlis pecah tanah berkenaan.

Kerajaan negeri sepatutnya tidak perlu menunggu Perdana Menteri marah atau menegur secara terbuka terhadap sesuatu kepincangan atau ketidakseimbangan yang berlaku.

Sehubungan itu, pihak terbabit dalam penyediaan perumahan di negeri ini

tidak sepatutnya menuding jari kepada pihak lain atau mengemukakan pelbagai alasan, berikutan teguran itu. Sebaliknya, mereka perlu menerimanya secara positif dan berusaha serius bagi mengatasi sebarang ketidakseimbangan yang berlaku.

Apabila menyentuh masalah pembangunan tidak seimbang di Pulau Pinang, termasuk perumahan, tidak dapat tidak ia pasti membabitkan orang Melayu. Tanjung Tokong hanya sekadar contoh kerana banyak lagi perkampungan Melayu yang ketinggalan dan mengalami pembangunan tidak seimbang.

Kalau seseorang berpeluang ke perkampungan Melayu di Georgetown seperti Kampung Dodol, Kampung Makam, Sungai Pinang, Jelutong dan beberapa kawasan

tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Pulau Pinang (Maipp), kita akan mendapati perbezaan ketara iaitu rumah papan serta usang yang dikelilingi bangunan tinggi pencakar langit.

Banyak kajian, seminar, perancangan dan janji dibuat sejak berpuluh tahun lalu oleh pelbagai pihak, namun wajah perkampungan Melayu terbabit masih tidak banyak berubah. Selain rumah usang, perkampungan berkenaan tidak mempunyai kemudahan asas sempurna. Lebih membimbangkan banyak perkampungan berkenaan kini terdedah kepada risiko kepupusan, akibat pembangunan pesat di sekelilingnya.

Usaha mewujudkan pembangunan dan perumahan seimbang di negeri ini mungkin hanya sekadar impian dan perancangan di atas kertas. Ia juga mungkin sekadar gimik politik semata-mata, jika tidak disusuli usaha bersepadu, bersungguh-sungguh dan ikhlas setiap pihak berwajib. Ini termasuk kerajaan negeri, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, pihak berkuasa tempatan, Lembaga Perumahan Negeri dan Maipp.

Pada masa sama, penduduk terbabit juga mesti mempunyai keazaman untuk memperbaiki keadaan sedia ada dan tidak mudah termakan hasutan pihak tertentu, termasuk pertubuhan bukan kerajaan yang menentang pembangunan di kawasan mereka.

Sesungguhnya, kita percaya teguran Perdana Menteri itu bukan setakat tertumpu di Tanjung Tokong, malah mungkin kawasan lain di Pulau Pinang dan

juga seluruh negara. Dr Mahathir melihat masalah pembangunan dan perumahan yang tidak seimbang itu, jika tidak ditangani segera, boleh menjejaskan sasaran Wawasan 2020.

Mungkin secara kebetulan atau tidak, tempat yang disebut Perdana Menteri dalam ucapannya seperti Tanjung Tokong, Tanjung Bungah dan Batu Feringgi berada dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Bunga, dengan Koh selaku Ahli Dewan Undangan Negerinya.